INTERPRETASI *SEJARAH MELAYU*: REPRESENTASI PERANAN GOLONGAN DIPERINTAH DALAM PEMERINTAHAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

(*Interpretation of Sejarah Melayu: Representation of the Ruled Class's Roles in the Governance of the Malacca Malay Sultanate*)

Siti Zahrah Mahfood[1]
zahrah@fsk.upsi.edu.my

Nurulasyikin Hassan[2]
nurulasyikin@fsk.upsi.edu.my

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia. [1 & 2]

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):[1]

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Siti Zahrah Mahfood, & Nurulasyikin Hassan. (2025). Interpretasi *Sejarah Melayu*: Representasi peranan golongan diperintah dalam pemerintahan kesultanan Melayu Melaka. *Malay Literature, 38*(1), 115–144. https://doi.org/10.37052/ml38(1)no6

Received: *Peroleh*:	4/2/2025	Revised: *Semakan*	18/6/2025	Accepted: *Terima*:	20/6/2025	Published online: *Terbit dalam talian*:	26/6/2025

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda *(This article has undergone a double blind peer-review process*)

Abstrak

Peranan golongan diperintah yang direkodkan dalam teks klasik seperti Sejarah Melayu adalah sangat penting untuk memberikan pemahaman terhadap struktur sosial dan politik masyarakat Melayu tradisional. Naratif *Sejarah Melayu* yang lebih cenderung memfokuskan peranan golongan pemerintah dan golongan bangsawan menyebabkan peranan dan sumbangan golongan diperintah kurang didendangkan dan mewujudkan kelompangan pengetahuan. Kajian ini berusaha untuk mengisi jurang tersebut melalui tumpuan yang diberikan terhadap struktur sosial, merangkumi peranan komuniti dalam susun lapis golongan diperintah yang kurang mendapat perhatian. Rakyat biasa, golongan hamba dan orang asing merupakan tiga pecahan komuniti besar dalam susun lapis golongan yang diperintah. Golongan diperintah sering kali dianggap

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2025. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International (CC BY-NC-ND 4.0)

e-ISSN: 2682-8030

pasif dalam struktur lapisan masyarakat Melayu tradisional kerana berada di bawah pengaruh dan kekuasaan pihak pemerintah. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk membincangkan peranan golongan diperintah, iaitu golongan rakyat yang terbahagi kepada beberapa kelas tertentu dalam hierarki sosial masyarakat Melaka dalam memperkukuh kestabilan masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan budaya Melayu. Dengan menganalisis dinamik kuasa antara pemerintah dengan rakyat, kajian ini menilai impak golongan diperintah terhadap perkembangan sejarah dan warisan Melayu secara holistik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sejarah dan pendekatan analisis deskriptif yang digunakan bagi memerihalkan peranan golongan diperintah sebagai komuniti yang menyokong kepada kelangsungan sistem pemerintahan beraja semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Penyelidikan ini turut meneliti aspek mobiliti sosial, khususnya dalam kalangan golongan bawahan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa golongan diperintah bukan sahaja berperanan sebagai pelengkap kepada golongan pemerintah tetapi juga sebagai aset berharga yang mengawal keseimbangan dan kestabilan pembangunan sosial dan ekonomi pada masa tersebut.

Kata kunci: *Sejarah Melayu*, kesultanan Melayu, golongan diperintah, golongan bawahan, susun lapis, kelas sosial

Abstract

The role of the ruled class, as recorded in classical texts such as Sejarah Melayu (Malay Annals), is crucial for understanding the social and political structure of traditional Malay society. However, the narrative of Sejarah Melayu tends to focus largely on the ruling class and aristocracy, leading to the underrepresentation of the ruled class's roles and contributions, thereby creating a significant knowledge gap. This study attempts to fill the said gap by focusing on social structures, encompassing the role of community within the stratified and underrepresented ruled class. The common people, slaves and foreigners constituted the three subdivisions of this broader community within the ruled class hierarchy. The ruled class was often considered as passive in the social hierarchy of traditional Malay society since they were beholden to the influence and authority of the ruling class. Therefore, the main objective of this study is to discuss the role of the ruled class, which was divided into distinct classes in the social hierarchy of Malacca society in strengthening social stability and contributing

to the development of Malay economy and culture. By analysing the power dynamics between the government and the people, this study holistically assesses the impact of the ruled class on the development of Malay history and heritage. This study employs qualitative historical method and descriptive analysis to explain the ruled class's role as a community that supported the continuity of the monarchy during the Malacca Malay Sultanate period. The research also examines aspects of social mobility, particularly within the subordinate class. The findings reveal that the ruled class not only complemented the ruling class, but also served as a valuable asset in maintaining the balance and stability of social and economic development during that era.

Keywords: Sejarah Melayu, Malay sultanate, ruled class, subordinate class, hierarchy, social class

PENDAHULUAN

Sejarah Melayu merupakan satu daripada warisan budaya yang penting dalam memahami struktur sosial, politik dan budaya masyarakat Melayu di Nusantara. Sebagai sebuah tamadun yang kaya dengan tradisi lisan dan teks sejarah, masyarakat Melayu telah melalui pelbagai transformasi yang mencerminkan dinamika sosial dan budaya sepanjang zaman. Kajian terhadap lapisan sosial dalam *Sejarah Melayu, khususnya* peranan golongan diperintah seperti rakyat biasa, masyarakat asing dan hamba, masih kurang diberi perhatian berbanding naratif dominan yang memfokuskan golongan elit dan pemerintah.

Kebanyakan kajian terdahulu cenderung melihat *Sejarah Melayu* sebagai teks legitimasi kuasa diraja, dengan memberi keutamaan kepada wacana keturunan raja dan mitos "Dewa Raja" (Norazimah Zakaria, 2005; 2018). Penyalinan teks oleh Tun Seri Lanang telah memperkukuh naratif tersebut, sekaligus menenggelamkan suara golongan bawahan yang turut berperanan dalam pembentukan masyarakat. Anggapan bahawa kelompok ini bukan watak utama telah menyebabkan pengabaian terhadap sumbangan mereka dalam struktur sosial Kesultanan Melayu.

Oleh itu, kajian ini bertujuan memberikan gambaran yang lebih seimbang dengan menelusuri bagaimana golongan diperintah turut memainkan peranan dalam membentuk, menyokong dan mengekalkan struktur sosial masyarakat Melayu. Selain itu, kajian ini juga meneliti aspek mobiliti sosial yang berlaku dalam masyarakat tersebut seperti melalui perkahwinan, jasa dalam peperangan, pengumpulan kekayaan atau pelantikan dalam struktur birokrasi

yang membolehkan individu tertentu bergerak melintasi lapisan sosial. Secara keseluruhannya, penelitian ini membuka ruang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh dan holistik terhadap dinamika sosial masyarakat Melayu serta kesannya terhadap pembangunan tamadun Melayu itu sendiri.

Sejarah Melayu

Keunggulan teks *Sejarah Melayu* yang disalin semula oleh Tun Sri Lanang merupakan satu daripada sumber utama yang sering dijadikan rujukan bagi menggambarkan keadaan masyarakat dan politik Kesultanan Melayu Melaka. Tun Sri Lanang memberikan pandangan beliau mengenai keadaan masyarakat Melayu Melaka dalam bentuk teks mengikut gaya penulisan beliau sendiri. Sehingga kini, terdapat sekurang-kurangnya 32 buah naskah salinan *Sejarah Melayu* yang tersedia dan terdiri daripada pelbagai versi (Cheah & Borschberg, 2013: 1 & 21). Walau bagaimanapun, *Sejarah Melayu* pada tahun 1612 yang diselenggarakan oleh W. G. Shellbear adalah berbeza daripada *Sejarah Melayu* versi Raffles M.S.18 kerana berlakunya pembaikan dari segi bentuk penulisan yang telah dilakukan terhadap teks tersebut (Muhammad Yusof Hashim, 1992a: 11). Walaupun Sejarah Melayu diolah selepas 100 tahun kejatuhan Melaka dan hampir 200 tahun selepas kewujudan Melaka, namun naskhah tersebut merangkumi sejarah yang melangkaui zaman. Walaupun *Sejarah Melayu* sering dianggap tidak layak dijadikan sumber kerana banyak mengandungi unsur mitos dan dewa dewi (Windstedt, 1969:95), namun *Sejarah Melayu* merupakan karya dan sumber sejarah yang penting kerana realitinya menunjukkan usaha penulis yang cuba menggambarkan keadaan masyarakat Melayu Melaka pada kurun ke-15 dan ke-16 dari pelbagai aspek kehidupan. Pengkaji *Sejarah Melayu*, seperti Muhammad Yusoff Hashim (1992), Liaw Yock Fang (1982), Zainal Abidin Abdul Wahab (1974) dan Mohd Taib Osman (1980) menjelaskan bahawa *Sejarah Melayu* boleh digunakan untuk menyusun kemasyarakatan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dari aspek politik, sosial dan ekonomi. Secara keseluruhannya, isi kandungan *Sejarah Melayu* meliputi cerita-cerita mengenai sultan dan istana, serta peristiwa yang berkaitan dengan pembesar dan hulubalang. Kandungan teks tersebut hanya menyentuh sedikit sahaja penceritaan yang berkaitan dengan kehidupan orang biasa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.Berdasarkan teks ini, dapat dinyatakan bahawa *Sejarah Melayu* memaparkan watak golongan yang diperintah bukan sebagai subjek utama, tetapi sebagai pelengkap kepada naratif golongan pemerintah. Kehadiran mereka dalam teks berfungsi untuk memperkukuh legitimasi

kuasa dan kedudukan elit serta menonjolkan hubungan antara kelas bawahan dengan struktur pemerintahan yang wujud.

Gambaran kehidupan istana yang disentuh dalam *Sejarah Melayu* memperlihatkan kekuasaan mutlak sultan, peranan penting Bendahara, serta kegiatan dan tanggungjawab yang dipikul oleh para Laksamana dan Temenggung. Setiap tugas yang dipegang oleh pegawai istana dinyatakan dengan jelas dalam teks, termasuk adat istiadat dan aturan yang berkaitan dengan kedudukan tetamu diraja serta pegawai-pegawainya. Namun dalam rangka naratif ini, *Sejarah Melayu* juga secara tidak langsung menggambarkan struktur sosial menyeluruh masyarakat Melaka. Susun lapis masyarakat yang ditonjolkan bermula dengan golongan pemerintah dan kerabat diraja, diikuti oleh pentadbir, pembesar, pedagang, hulubalang, alim ulama, dan rakyat biasa, manakala golongan hamba diletakkan di lapisan paling bawah (Yusoff Iskandar, 1986: 129).

KAJIAN LEPAS

Penyelidikan mengenai lapisan sosial dalam *Sejarah Melayu* yang berkaitan dengan zaman Kesultanan Melayu Melaka bukanlah sesuatu yang baharu. Namun demikian, sebahagian besar kajian terdahulu cenderung memfokuskan kepada golongan elit atau pemerintah. Kecondongan ini berkait rapat dengan motif utama penulisan teks klasik, termasuk *Sejarah Melayu*, yang antaranya bertujuan untuk menggembirakan hati raja, menonjolkan kehebatan pahlawan dalam peperangan, serta memenuhi kehendak raja yang ingin agar jasa pemerintah dan pembesarnya dikenang oleh generasi akan datang (Arbai'yah Mohd Noor, 2006:107). Walaupun terdapat beberapa kajian yang membincangkan struktur sosial masyarakat Melayu secara umum, peranan golongan yang diperintah, seperti rakyat biasa dan golongan hamba yang berada pada kedudukan paling bawah dalam hierarki masyarakat, masih kurang diberikan penekanan dalam wacana historiografi. Penulisan yang sedia ada sering kali kurang menumpukan tentang peranan mereka, sekaligus menyebabkan naratif sejarah yang terhasil cenderung bersifat elit-sentrik dan tidak menyeluruh dalam menggambarkan masyarakat pada zaman tersebut.

Kajian terhadap *Sejarah Melayu* sering menumpukan perhatian kepada aspek politik dan ketatanegaraan, dengan memberikan penekanan terhadap peranan institusi raja serta golongan elit dalam struktur pemerintahan kerajaan Melayu tradisional. Antara kajian terdahulu yang meneliti aspek ini ialah *The Malay Sultanate* oleh W. G. Shellabear (1919), yang membincangkan

secara menyeluruh sistem politik dan pentadbiran kerajaan Melayu. Namun demikian, perbahasannya tentang struktur sosial dan lapisan masyarakat bawahan adalah sangat terhad. Kekurangan ini telah mengakibatkan sumbangan komuniti bukan elit, seperti rakyat biasa, dan hamba, kurang diberikan perhatian dalam wacana sejarah, sekali gus mencipta gambaran yang tidak seimbang tentang dinamika sosial zaman tersebut.

Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa wacana mengenai lapisan sosial masyarakat Melayu banyak memfokuskan kepada golongan pemerintah dan kelas menengah. Sebagai contoh, Nawi Abdullah dan Wan Ariffin Haji Wan Ahmad (2007) dalam kajian mereka menyatakan bahawa kelas menengah Melayu telah mengalami transformasi yang signifikan bermula dari era tradisional, kolonial hingga ke zaman pascakemerdekaan. Pada era tradisional, kelas menengah yang terdiri daripada golongan bangsawan dan pembesar berperanan sebagai perantara antara institusi sultan dengan rakyat. Namun, kemasukan penjajah British telah merombak struktur ini dengan memperkenalkan pentadbir baharu yang berpendidikan Inggeris, sekali gus melemahkan peranan tradisional golongan bangsawan. Selepas kemerdekaan, pelaksanaan dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah membuka ruang mobiliti ekonomi dan pendidikan kepada kelas menengah Melayu secara lebih menyeluruh. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa perhatian terhadap golongan di luar kelas menengah, khususnya lapisan masyarakat bawahan seperti rakyat biasa dan hamba dalam *Sejarah Melayu*, masih kurang diberikan penekanan. Oleh itu, penilaian semula terhadap representasi golongan ini menjadi penting dalam memahami dinamika sosial masyarakat Melayu secara lebih menyeluruh.

Kajian oleh Wan Hamdi et al. (2011) menumpukan perhatian terhadap peranan golongan kelas menengah Melayu dan kepentingannya dalam membentuk struktur sosial yang stabil dalam masyarakat. Dalam kajian ini, kelas menengah Melayu digambarkan sebagai kelompok yang berpeluang memperoleh pendidikan sejak era tradisional hingga ke zaman pascakemerdekaan, serta memainkan peranan penting sebagai pemimpin dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, pendekatan kajian ini lebih menonjolkan watak dan peranan golongan kelas menengah, tanpa memberikan penekanan terhadap sumbangan signifikan yang turut disumbangkan oleh golongan bawahan atau masyarakat yang diperintah. Justeru, kekurangan ini memperlihatkan adanya kekosongan dalam wacana sosiobudaya Melayu, yang perlu diisi melalui analisis terhadap lapisan masyarakat yang kurang diberikan perhatian, seperti rakyat biasa dan golongan hamba dalam teks *Sejarah Melayu*.

Kajian mutakhir tentang masyarakat Melayu Melaka oleh Nasha Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainun (2021) pula adalah berpandukan pada penulisan Emanuel Godinho de Eredia yang merupakan sarjana yang melakukan pengembaraan bagi pihak Portugal. Kajian ini lebih banyak memaparkan sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat Melayu sejak era Kesultanan Melayu Melaka dan sentuhan terhadap golongan pemerintah dan rakyat biasa digabungkan pada subtopik tertentu. Secara keseluruhannya, penulisan ini sememangnya membincangkan tentang masyarakat Melayu sejak era Kesultanan Melayu Melaka, lebih-lebih lagi dengan penggunaan sumber luar (Portugis) dalam memberikan gambaran masyarakat Melayu dari perspektif luar. Namun demikian, perbincangannya yang lebih memfokuskan budaya masyarakat tempatan berbanding dengan struktur atau susun lapis masyarakat tersebut dilihat sebagai suatu kelompangan yang dapat diketengahkan sebagai suatu bentuk kajian baharu.

Sebahagian besar kajian *Sejarah Melayu* sebelum ini lebih menumpukan pada golongan pemerintah dan elit seperti sultan, bangsawan dan pemimpin politik. Naratif sejarah yang dihasilkan sering berpusat pada tindakan, keputusan dan peranan golongan pemerintah, seterusnya menjadikan Sejarah Melayu seakan dimonopoli oleh kelompok elit yang berkuasa manakala peranan golongan diperintah seperti rakyat biasa, petani dan pedagang jarang diberikan perhatian yang mendalam dan hanya disebut secara ringkas. Kajian ini berusaha mengisi kekosongan dengan memfokuskan peranan golongan diperintah, yang selama ini kurang dikaji secara mendalam. Dengan meneliti sumbangan golongan yang diperintah dalam pelbagai aspek sosial, ekonomi dan budaya, kajian ini berusaha untuk membina pemahaman yang lebih seimbang serta holistik terhadap Sejarah Melayu. Pendekatan ini diharapkan bukan sahaja dapat memperkaya wacana sejarah, tetapi juga dapat memberikan perspektif baharu berkenaan struktur masyarakat Melayu tradisional dan hubungan dinamik antara pemerintah dengan rakyat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sejarah bagi memperoleh sumber tambahan yang dapat memperkukuh dan memperjelas penilaian terhadap kandungan teks *Sejarah Melayu*. Edisi teks yang dijadikan rujukan utama ialah *Sejarah Melayu* edisi Shellabear (1987). Selain itu, teks *Hukum Kanun Melaka* turut digunakan sebagai sumber sokongan kerana kandungannya yang berkait rapat dengan struktur pemerintahan dan susun lapis masyarakat Melayu pada zaman Kesultanan Melaka. Hubungan antara kedua-dua teks ini

membolehkan kajian menjangkau analisis yang tidak terhad kepada golongan pemerintah semata-mata, tetapi turut merangkumi peranan dan kedudukan golongan yang diperintah. Sumber-sumber ini diperoleh melalui kaedah kajian kepustakaan dan pencarian dalam talian bagi mendapatkan bahan sekunder yang relevan dan terkini berkaitan dengan teks *Sejarah Melayu*.

Di samping itu, kaedah analisis deskriptif turut digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti gambaran tentang golongan yang diperintah sebagaimana terkandung dalam teks *Sejarah Melayu*. Kaedah ini membolehkan penyelidik mendalami makna budaya dan ideologi yang tersembunyi dalam struktur naratif dan wacana teks. Menurut Fürsich (2009:240), pendekatan ini amat berguna untuk menyingkap makna yang terkandung dalam sesebuah teks dalam pelbagai dimensi, sama ada secara literal atau simbolik. Malah, seperti yang dijelaskan oleh Zulfiya (2024:4), pendekatan ini bukan sahaja menyumbang kepada pengukuhan kefahaman terhadap teori, malah boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti kajian budaya, bahasa, dan linguistik komputer. Oleh itu, pendekatan analisis deskriptif dianggap paling sesuai dalam kajian ini kerana pendekatan tersebut membolehkan peneliti memahami secara lebih mendalam struktur dan kebudayaan masyarakat Melayu tradisional, khususnya dalam konteks hubungan kuasa antara golongan pemerintah dan golongan diperintah dalam kerajaan Melayu Melaka.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Struktur sosial

Sebelum membincangkan struktur sosial masyarakat, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu perubahan demografi yang berlaku di Melaka sejak penubuhannya. Pertambahan penduduk dapat dikesan sejak Raja Iskandar Shah membawa pengikutnya dari Singapura (Temasik) ke Muar, Johor, sebelum akhirnya menetap di Melaka. Pada peringkat awal, masyarakat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan orang laut (Mohd Yusof Ibrahim, 1990:81). Namun, kedudukan Melaka sebagai pusat perdagangan strategik telah menarik kehadiran pelbagai bangsa asing, dan sebahagian daripada mereka memilih untuk menetap di sana secara tetap. Perkembangan pesat ini mencetuskan keperluan untuk mengembangkan struktur pentadbiran, selaras dengan pertambahan penduduk, peningkatan kegiatan sosial dan ekonomi, serta pengaruh Islam yang semakin mendalam (Wan Ahmad Fauzi et al., 2018:62). Oleh itu, perubahan demografi ini menjadi asas penting kepada pembentukan struktur sosial masyarakat Melayu Melaka yang lebih kompleks

dan berlapis. Dalam masyarakat Melayu tradisional, wujud satu struktur sosial yang tersusun dan bersifat hierarki. Secara umumnya, masyarakat ini terbahagi kepada dua golongan utama, iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Golongan pemerintah terdiri daripada raja atau sultan yang menduduki kedudukan tertinggi dalam hierarki sosial dan memiliki kuasa mutlak dalam pemerintahan. Kedudukan baginda disokong oleh lapisan pembesar dan bangsawan seperti Bendahara, Laksamana, Temenggung, Syahbandar dan Penghulu Bendahari, yang memainkan peranan penting dalam sistem pentadbiran negeri (Andaya & Andaya, 2001:43), manakala golongan yang diperintah pula merangkumi kelompok yang lebih pelbagai, termasuk ulama istana, pendeta, pedagang, tukang mahir, petani, nelayan, jurugajah, gundik, dayang istana, serta golongan hamba. Walaupun kedudukan mereka berada di bawah dalam struktur sosial, sebahagian daripada mereka, khususnya ulama dan pedagang, memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan intelektual dan ekonomi masyarakat (Sheppard, 1965:28; Milner, 2002: 76). Pembahagian sosial ini mencerminkan satu struktur yang berasaskan sistem feudal, iaitu kesetiaan dan bakti kepada raja menjadi teras kepada kedudukan sosial seseorang (Shamsul A.B., 1996:22). Dalam konteks ini, sistem sosial bukan sahaja bersifat fungsional, malah memperlihatkan hubungan kuasa yang mengikat antara pemerintah dengan yang diperintah.

Dalam *Sejarah Melayu*, raja dan kaum kerabatnya dikatakan tinggal di dalam istana yang dibina di atas bukit yang strategik, dengan pemandangan yang menghadap ke arah laut, serta kedudukannya yang sesuai dijadikan sebagai benteng pertahanan. Pembesar tempatan pula ditempatkan di kawasan lereng bukit yang berhampiran dengan istana raja. Golongan yang berperanan penting dalam institusi Kesultanan Melayu Melaka ini menetap di kawasan perkampungan yang berada di bawah pengaruh sendiri dan mempunyai kampung sendiri, seperti rumah bendahara dan kampung Laksamana. Perkara ini dapat dirujuk melalui pernyataan Badriyah Haji Salleh (2021:11):


> Perkampungan Melayu mengikut pembesar-pembesar juga ada berdekatan, seperti Kampung Bendahara, Kampung Syahbandar dan Kampung Laksamana kerana mengikut kebiasaan sultan yang memerintah menganugerahkan kawasankawasan tertentu kepada pembesar-pembesar ini sebagai tanda penghargaan. Selain itu, orang-orang awam mempunyai kawasan tempat tinggal mereka di luar kawasan diraja dan pembesar-pembesar, seperti Kampung Jawa, Kampung Keling, Kampung Cina dan Kampung Arab.

Dalam struktur sosial Kesultanan Melayu Melaka, golongan diperintah, terutamanya rakyat biasa, umumnya mendiami kawasan sekitar kaki bukit serta di seberang sungai yang menghadap pusat pemerintahan di kawasan berbukit. Penempatan ini mencerminkan pembahagian ruang fizikal yang berkait rapat dengan hierarki sosial yang wujud. Menurut Badriyah Haji Salleh (2021:7) terdapat beberapa bangunan milik para pembesar yang dibangunkan di kawasan bukit dan kemudiannya dirobohkan selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis. Sementara itu, kelompok orang laut juga dikenali sebagai orang Saletes, lebih cenderung untuk tinggal di kawasan persisiran pantai, sesuai dengan kegiatan harian mereka sebagai nelayan dan pelaut. Kehadiran mereka di Melaka sebenarnya mendahului penubuhan rasmi negeri tersebut, dan mereka telah pun menjalankan interaksi ekonomi dengan golongan pembesar. Antara sumbangan utama mereka ialah pembekalan makanan hasil laut seperti Tarubo sejenis hasil laut yang dijerukkan dan menjadi makanan kegemaran golongan bangsawan (Nasha Rodziadi Khaw & Nazarudin Zainun, 2021:54–60). Malah, Tarubo turut dianggap sebagai produk komoditi penting dalam ekonomi tempatan Melaka ketika era kegemilangannya (Nasha Rodziadi Khaw & Nazarudin Zainun, 2021:55).

Perkara ini membuktikan bahawa terdapat jurang ketara dalam hubungan antara kelas sosial, khususnya dari aspek status sosial, peranan, kawasan tempat tinggal dan kegiatan harian. Jurang ini jelas memperlihatkan pengaruh besar struktur sosial terhadap corak kehidupan masyarakat Melayu Melaka. Meskipun wujudnya stratifikasi yang kukuh, golongan yang diperintah tetap memainkan peranan penting dalam menyokong kelangsungan dan keunggulan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Bagi memahami kedudukan dan fungsi sosial golongan diperintah dalam konteks ini, susun lapis masyarakat Melayu tradisional boleh dirujuk seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1, yang menggariskan hierarki sosial bermula daripada sultan hingga kepada golongan hamba dan rakyat biasa.

Hierarki sosial ini secara langsung memberikan gambaran wujudnya interaksi antara kelompok yang terdapat dalam lapisan masyarakat melayu dengan fungsi dan kepentingan tertentu. Perkara ini dapat dikaitkan pernyataan yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* edisi Shellabear (1987:202):

> ...rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon, jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri, demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.



Rajah 1 Susun lapis masyarakat Melayu
(Sumber: Muhammad Yusoff Hashim, 1992b:167).

Jelaslah bahawa hubungan antara kelompok pemerintah dengan yang diperintah merupakan hubungan dua hala yang amat diperlukan dalam kelangsungan institusi pemerintahan Melayu. Golongan yang diperintah tidak sekadar menjadi penerima arahan, tetapi turut menyumbang kepada kestabilan, ekonomi dan keutuhan sesebuah kerajaan. Sehubungan dengan itu, penelitian yang mendalam terhadap hubungan ini amat wajar dilakukan, lebih-lebih lagi apabila kelompok ini sering kali dianggap "akar yang mendukung pohon" dalam struktur sosial, suatu metafora yang menegaskan bahawa mereka merupakan asas yang menyokong kekuasaan elit. Pernyataan daripada Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain et al. (2018 630) turut mengukuhkan lagi pandangan tersebut:

> Apabila keadaan negeri aman, makmur dan kaya-raya; orang dagang dan senteri sibuk berdagang, tanam-tanaman dan tumbuh-tumbuhan di ladang hidup dengan subur dan banyak mengeluarkan hasil; ternakan membiak, rakyat bertambah ramai, maka raja yang memerintah dianggap bertuah dan tinggi daulatnya.

Petikan ini memperlihatkan betapa pentingnya peranan rakyat biasa dalam menzahirkan imej kejayaan sesebuah pemerintahan. Kemakmuran rakyat bukan sahaja membawa manfaat material, tetapi juga menjadi simbol kekuasaan dan keabsahan daulat raja. Oleh itu, kajian ini memfokuskan golongan rakyat biasa, golongan hamba serta masyarakat luar (asing) yang turut menjadi komponen penting dalam struktur sosial Kesultanan Melayu Melaka.

Rakyat Biasa

Golongan rakyat biasa merupakan satu daripada kelompok penting dalam hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka yang tergolong sebagai golongan yang diperintah. Mereka terdiri daripada lapisan masyarakat yang tidak memiliki status tinggi seperti raja dan bangsawan, dan terdiri daripada petani, pedagang, tukang dan buruh yang menjalankan kegiatan harian untuk menjamin kelangsungan hidup negara. Menurut *Kamus Dewan* (2021), istilah "rakyat" merangkumi lima takrif, antaranya orang ramai, pasukan perang dan anak buah yang menandakan skop yang luas dalam perbincangan sosial Melayu. Dalam *Sejarah Melayu*, rakyat biasa sering disebut secara kolektif sebagai unsur terpenting dalam kekuatan negeri, meskipun kedudukan mereka tertakluk kepada struktur sosial yang ketat. Rakyat biasa ini boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu orang merdeka dan golongan hamba. Orang merdeka mempunyai kebebasan dalam menjalani kehidupan harian dan tidak perlu memohon izin kepada pembesar untuk membuat keputusan peribadi, seperti mendirikan rumah tangga atau berhijrah. Namun, mereka masih boleh dikerah oleh raja untuk tugasan tertentu, khususnya dalam konteks peperangan atau kerja yang diarahkan oleh raja atau pembesar. Hal ini tidak harus dilihat sebagai bentuk penindasan, sebaliknya mencerminkan sistem nilai dalam masyarakat Melayu yang dibina atas prinsip kesetiaan atau derhaka, iaitu sempadan moral antara tunduk dengan ingkar. Menurut Azmi Arifin (2012:29), sistem Melayu tradisional mengiktiraf kebergantungan antara pemerintah dengan rakyat, iaitu satu asas penting dalam pembentukan daulat dan kelangsungan kuasa raja dan tidak seperti sistem serf Eropah yang bersifat memeras.

Meskipun tiada pernyataan eksplisit dalam *Sejarah Melayu* mengenai adat memaklumkan kenduri kepada pembesar, tafsiran terhadap konteks sosial membayangkan kewujudan amalan tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Yusof Ibrahim (1990:34–63, 89), rakyat biasa di Melaka hidup dalam struktur sosial yang menghormati peranan pembesar kawasan, khususnya dalam hal ehwal sosial seperti kenduri-kendara. Contohnya, dalam *Sejarah Melayu*, (Shellabear, 1987) rakyat digambarkan bebas menangkap ikan dan bercucuk tanam, seperti dalam kisah penyamaran Raja Kassim sebagai nelayan, di mana nelayan tidak dikawal oleh pihak Sultan. Dalam aspek kegiatan ekonomi harian pula, rakyat digambarkan bebas menjalankan aktiviti seperti menangkap ikan dan bercucuk tanam. *Sejarah Melayu* secara tidak langsung memberikan gambaran jelas tentang tempat dan cara menangkap ikan dapat dilihat ketika Badang dan Merah Silu menangkap ikan di sungai dengan menggunakan lukah, manakala Raja Kassim memancing di laut atau tepi pantai menggunakan kail atau pancing. Penggunaan alat ini ialah alat yang paling awal bagi orang Melayu untuk menangkap ikan (Harun Daud, 1989:189). Perkara ini bukan sahaja memaparkan kehidupan golongan rakyat biasa yang menjalankan kegiatan ekonomi sara diri, malah turut juga membuktikan kewujudan aktiviti ini dengan merujuk alatan yang digunakan antara pemerintah dengan rakyat biasa.

Kaum petani pula bebas membuka tanah baru untuk pertanian, sebagaimana yang dilakukan oleh Badang. Hal ini jelas digambarkan dalam Hukum Kanun Melaka yang memaparkan kebebasan rakyat untuk menternak binatang, seperti kambing, lembu dan kerbau serta bercucuk tanam (Liaw, 2003:63 & 64). Hal ini ada disentuh dalam *Sejarah Melayu* tentang aktiviti penternakan secara tidak langsung, iaitu ketika anak buah Bendahara Seri Maharaja yang pergi berburu kerbau jalang atau rusa. Walau bagaimanapun, anak buahnya gagal mendapatkan hasil buruan dan sebaliknya telah menikam kerbau peliharaan Bendahara. Dalam *Sejarah Melayu* (1987:190) peristiwa ini digambarkan seperti yang berikut:

> ... maka ia singgah pada kandang kerbau Bendahara. Maka ditikamnya kerbau itu dua tiga ekor. Maka disuruhnya sembelih, maka diambilnya sepeha dihantarkannya pada Bendahara Seri Maharaja...maka kata Bendahara,
>
> "Nakalnya budak-budak ini, jadi adatlah jikalau tiada boleh berburu, kerbau kita diperburunya"

Kegiatan memburu atau menangkap binatang pula merupakan hobi bagi raja dan pembesar, namun pada masa tertentu, bagi golongan masyarakat biasa, perkara tersebut merupakan aktiviti sampingan untuk mendapatkan makanan. Kebanyakan binatang yang diburu biasanya seperti pelanduk, kancil, rusa, ayam hutan dan seladang untuk dimakan, manakala gajah pula diburu untuk dijadikan kenaikan (kenderaan) serta kegunaan lain. Peristiwa anak bendahara yang menjerat gajah juga tercatat dalam Sejarah Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kegiatan berburu lebih kerap dikaitkan dengan kelompok golongan pemerintah, manakala golongan rakyat biasa melakukan kegiatan ini dan kegiatan penternakan pada waktu yang tertentu sahaja.

Tambahan pula, walaupun bukan daripada golongan hamba, golongan rakyat biasa ini boleh dikerah oleh pembesar untuk pergi keluar berperang atau menjalankan kerja-kerja yang diperintahkan oleh raja. Misalnya, ketika menghadapi serangan Siam, Tun Perak telah mengerahkan penduduk Kelang untuk membantu mematahkan serangan angkatan Siam tersebut (Shellabear, 1987:68; 2016: 87–88). Perkara ini secara terperinci dapat dipetik daripada naskhah tersebut bahawa:

> Maka telah Sultan Muzaffir Syah menengar [sic] khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali… Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawankan anak isterinya bersungguh-sungguh.

Selain itu, tenaga rakyat juga diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja bagi pihak raja, seperti membina istana. Perkara ini dapat dilihat dalam *Sejarah Melayu*, apabila Sultan Mansur Syah memerintahkan Bendahara Paduka Raja supaya menyiapkan sebuah istana dalam tempoh sebulan, setelah istana yang baru didudukinya terbakar. Bagi melaksanakan arahan tersebut, Bendahara telah mengerahkan golongan rakyat daripada beberapa daerah untuk melaksanakannya (Shellabear, 1987: 68). Petikan daripada Shellabear (2016:135–136) menjelaskan secara terperinci mengenai masyarakat yang terlibat dalam pembinaan istana baharu Sultan Mansor Syah:

> Syahadan, maka tiada berapa lamanya, dengan takdir Allah SWT mahligai itu pun terbakarm tiba-tiba di atas kemuncak mahligai itu pun api… Maka Sultan Mansor Syah memberi titah pada Bendahara menyuruh berbuat istana dan balairung, “Di dalam sebulan juga kita kehendaki

> sudah." Maka Bendahara pun mengerahkan orang berbuat istana dan balairung. Maka orang Ungaran berbuat sebuah istana, orang Suir berbuat sebuah istana, orang Pancur Serapung membuat balairung, orang Buru membuat balai pendapa, orang Merba membuat penanggahan, orang Saang membuat balai Jawa di sisi balairung itu, orang Kundur membuat balai apit pintu keduanya, orang Suntai berbuat balai kendi, orang Malai berbuat permandian, orang Upang berbuat bangsal, orang Tungkal berbuat masjid, orang Bentan berbuat pagar istana, orang Muar membuat kota awang. Adapun istana itu baik pula daripada istana dahulu. Setelah sudah sekaliannya, maka Sultan Mansor Syah pun menganugerahi segala orang bekerja itu masing-masing pada kadarnya.

Pada zaman tersebut, rakyat bukan sahaja bersedia, malah dengan rela hati melaksanakan perintah raja meskipun berisiko. Menurut Azmi Arifin (2012:29), dalam beberapa versi *Sejarah Melayu*, golongan rakyat bahkan memeriahkan perintah tersebut seolah-olah seperti pesta. Hal ini menunjukkan bahawa sistem kerahan yang wujud bukanlah satu bentuk penindasan, tetapi suatu bentuk tanggungjawab kolektif dalam hubungan dua hala antara rakyat dengan pemerintah.

Sehubungan dengan itu, terdapat kelas-kelas tertentu dalam lapisan golongan rakyat biasa ini. Misalnya, golongan rakyat biasa yang mempunyai kekayaan, terutamanya saudagar, pedagang dan tokoh-tokoh agama yang selalunya mempunyai status sosial yang tinggi dan dikategorikan sebagai golongan kelas menengah. Hal ini sememangnya dapat dikaitkan dengan status kerajaan Melaka sebagai sebuah kerajaan maritim dan secara langsung telah mewujudkan golongan rakyat yang mempunyai kelas tertentu dalam hierarki masyarakat rakyat biasa. Dalam Sejarah Melayu, individu penting dalam golongan ini termasuklah Kyai Terambulan, Nina Sura Dewana (penghulu saudagar), Ali Manu Nayan (seorang biaperi) dan golongan kiwi (orang pertama yang mempunyai keistimewaan selepas nakhoda dalam urusan perniagaan di sesebuah pelabuhan). Hal ini dapat dikaitkan dengan kedudukan mereka dalam lapisan masyarakat rakyat biasa, seperti Nina Sura Dewana merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya (Brown, 1952:161). Malah, perkara ini dapat dilihat melalui petikan secara langsung (Shellabear, 2016: 254–255):

> Syahdan, ada seorang saudagar Nina Sura Dewana namanya, penghulu segala saudagar di dalam negeri Melaka.

Kyai Terambulan pula muncul dalam kisah pencurian, yang menandakan peranannya sebagai saudagar terkemuka dalam Shellabear (2016:170–171):

> Maka Sultan pun menitahkan orang memanggil Hang Isap; ia pun datang, peti itu pun dibawanya… Maka disuruh Sultan tafahus orang yang punya peti itu. Maka ada seorang saudagar Kiai Tarambulum namanya, iaitu empunya peti itu; ia kehilangan semalam.

Selain itu, Ali Manu Nayan, seorang *biaperi* yang amat kaya digambarkan memiliki jaringan sosial yang luas hingga mampu menawarkan sepuluh tail emas untuk menarik kunjungan orang kenamaan ke rumahnya (Shellabear, 2016:254):

> Maka ada seorang biaperi terlalu kaya di dalam negeri Melaka, Ali Manu Nayan namanya. Apabila orang datang bermain ke rumahnya, maka diberinya kain atau emas atau barang yang gharib-gharib [sic]… Maka Ali Manu Nayan pun datang. Maka katanya kepada Tun Hassan Temenggung, "Orang Kaya. Semua orang besar-besar di dalam Melaka ini datang ke rumah hamba, melainkan orang besar juga yang tiada datang. Jikalau dapat, marilah apa orang kaya bermain-main ke rumah hamba; hingga berdiri-diri sahaja di hadapan kedai hamba, sepuluh tail emas kupersembahkan.

Kewujudan kelas ini membuktikan bahawa masyarakat rakyat biasa tidak bersifat statik atau rata, sebaliknya mempunyai dinamika dalaman yang rumit. Sebahagian daripada mereka mempunyai mobiliti sosial, pengaruh dan memainkan peranan dalam menstabilkan ekonomi dan budaya Melaka. Mereka juga berfungsi sebagai pengantara antara istana dengan rakyat umum, menjadikan struktur sosial Melaka lebih fleksibel dan berdaya tahan.

Secara keseluruhannya, golongan rakyat biasa ini sememangnya merupakan kelompok masyarakat yang memiliki kebebasan dalam kegiatan kehidupan sehari-hari. Namun demikian, kewajipan golongan ini untuk menyahut seruan permintaan atau arahan daripada golongan pemerintah dalam sistem kerahan adalah suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan sebagai suatu simbolik hubungan antara pemerintah dengan yang diperintah. Peranan dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan hati yang terbuka merupakan satu bentuk kesetiaan kepada golongan pemimpin. Kesetiaan terhadap institusi pemerintahan dizahirkan melalui sistem perundangan yang disulam dengan adat. Hal ini dapat ditunjukkan dengan undang-undang yang melibatkan kesalahan sahsiah dalam undang-

undang Melaka. Misalnya seperti kesalahan membunuh, mengamuk, mencuri, menawar (menganggu) anak orang, berzina dan kesalahan meminum arak (Salihahs Razak & Arba'ie Sujud, 2016:21-26). Perundangan ini adalah bagi memastikan susun lapis masyarakat dalam kerajaan Melayu Melaka berada dalam keadaan yang teratur dengan nilai-nilai kemanusiaan. Maka, jelaslah bahawa golongan rakyat biasa merupakan satu daripada golongan yang tidak terkecuali memainkan peranan penting dalam kerajaan kesultanan Melayu Melaka. Malah, kewujudan sistem hukum yang diwujudkan bagi memastikan golongan masyarakat ini hidup dalam keadaan yang teratur secara langsung menjadi pengaruh yang besar dalam memelihara kelangsungan sesebuah kerajaan yang bertamadun tinggi.

Golongan Hamba

Dalam teks *Sejarah Melayu*, golongan hamba sering digambarkan dalam hubungan rapat dengan golongan raja dan bangsawan. Meskipun kedudukan mereka rendah dalam hierarki sosial, mereka memainkan peranan penting dalam sistem ekonomi dan sosial Melaka. Golongan hamba di Melaka dibahagikan kepada beberapa kategori seperti hamba raja, hamba berhutang dan hamba abdi Mohd Yusof Ibrahim, 1990: 93–94). Institusi perhambaan ini bukan sekadar bentuk penindasan, tetapi berfungsi untuk memenuhi keperluan ekonomi dan struktur sosial pada zaman tersebut.

Golongan hamba digunakan untuk melakukan pelbagai pekerjaan, daripada membantu kerja rumah, menjaga keselamatan tuan hingga meningkatkan kekayaan dan taraf sosial pemiliknya. Semakin ramai hamba dimiliki, semakin tinggi darjat sosial seseorang. Hal ini jelas ditunjukkan dalam *Sejarah Melayu* apabila Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir digambarkan sebagai pembesar yang memiliki seratus orang hamba (Shellabear, 1987:190–191):

> Syahadan, ada seorang bendahara Tun Mutahir namanya... terlalu banyak harta bendahara itu; emas dan perak tiada terpermanai banyaknya... hamba seratus orang...

Selain itu, institusi perhambaan juga memainkan peranan signifikan dalam kerangka hubungan diplomatik antara kerajaan serantau. Satu daripada fungsi penting ini adalah sebagai simbol dan alat diplomasi antara istana. Pada zaman tersebut, pertukaran hadiah — termasuklah pertukaran hamba — merupakan amalan yang diterima umum dalam protokol diplomatik. Dalam *Sejarah Melayu*, tindakan Sultan Mansur Syah menghadiahkan hamba sahaya

kepada Betara Majapahit merupakan satu bentuk hubungan simbolik yang bertujuan untuk memperkukuh ikatan diplomatik antara Melaka dengan Majapahit. Menurut Salmah Jan Noor Muhammad (2020:40), langkah ini juga bertujuan untuk memulihkan imej Melaka yang terjejas akibat peristiwa serangan ke atas Temasik oleh Raja Iskandar terdahulu. Oleh itu, pemberian hamba dalam konteks ini bukan sekadar perbuatan simbolik, tetapi juga mencerminkan kehalusan diplomasi istana Melayu yang memahami nilai dan kehormatan dalam hubungan antarabangsa. Hal ini menunjukkan bahawa golongan hamba tidak hanya berperanan dalam struktur dalaman masyarakat, tetapi turut menyumbang dalam menjalin jaringan kekuasaan dan pengaruh di peringkat serantau.

Sejarah Melayu dengan jelas menunjukkan bahawa institusi perhambaan telah wujud sebelum kewujudan Kesultanan Melayu Melaka lagi. Keadaan ini dapat dilihat pada karakter Badang yang diceritakan dalam *Sejarah Melayu*, di mana Badang hanyalah seorang hamba yang ditugaskan oleh tuannya untuk membersihkan hutan bagi menjalankan aktiviti berhuma di daerah Saluang, sebelum diterima sebagai pahlawan Singapura (Shellabear, 1987:34). Namun begitu, dalam *Sejarah Melayu*, permulaan sistem perhambaan ini tidak dinyatakan dengan tepat. Walau bagaimanapun, pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah terdapat gambaran yang lebih jelas berkenaan kewujudan golongan hamba ini. Dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1987), dinyatakan bahawa Tun Tahir dan Tun Mutahir yang masih kanak-kanak, telah membeli hamba dengan menggunakan hasil daripada keuntungan perniagaannya. Pada masa itu, bilangan hamba yang begitu ramai telah menyebabkan perlunya seorang penghulu khas dilantik untuk mengawal hamba tersebut. Penghulu ini bertanggungjawab menyimpan senarai nama setiap hamba yang didaftarkan (Shellabear, 1987:105). Hal ini menunjukkan kepentingan sistem perhambaan dalam struktur sosial dan ekonomi Melaka pada waktu itu sehinggakan wujudnya satu unit pengurusan bagi institusi ini.

Kepentingan institusi perhambaan dalam masyarakat Melayu tradisional dapat dilihat melalui penyebutan dan peraturannya dalam undang-undang Melayu lama. Antaranya ialah Hukum Kanun Melaka telah memasukkan beberapa fasal yang berkaitan dengan perhambaan. Selain itu, terdapat undang-undang khusus yang dikenali sebagai Undang-undang Perhambaan Melayu. Undang-undang ini mengandungi 75 bab atau fasal yang menyentuh pelbagai aspek berkenaan hamba, termasuklah hak, tanggungjawab dan peraturan mengenai status, serta fungsinya dalam masyarakat (Liaw, 2003: 64).

Layanan yang diberikan kepada golongan hamba berbanding dengan orang yang merdeka dalam amalan undang-undang menunjukkan perbezaan

yang ketara. Hukum Kanun Melaka dalam fasal kelapan menetapkan bahawa jika seorang hamba mencederakan orang yang merdeka, maka hamba itu dikenakan denda sebanyak sepuluh emas (Liaw, 2003:112). Undang-undang yang ditetapkan sedemikian menunjukkan bahawa perbezaan hak antara golongan hamba dengan orang merdeka ditentukan berdasarkan fungsinya dalam masyarakat. Namun begitu, melalui undang-undang Melaka ini, jelas bahawa masyarakat Melaka ketika itu tetap menekankan kepentingan institusi perhambaan walaupun telah menerima agama Islam sebagai pegangan hidup. Perkara ini dapat dilihat melalui peraturan yang digariskan dalam Hukum Kanun Melaka yang memelihara kelompok dalam institusi perhambaan ini. Misalnya, pembunuhan hamba raja dan bawahan raja menyebabkan hukuman tertentu sesuai dengan jabatannya (Dini Nur Apriliyanti, 2023:192).

Golongan hamba dalam *Sejarah Melayu* merupakan bahagian integral daripada struktur sosial dan ekonomi masyarakat pada masa itu. Meskipun kedudukan mereka sering kali dipandang rendah dan terperangkap dalam kehidupan yang penuh keterbatasan, golongan ini tetap memainkan peranan penting dalam menjana kelangsungan kerajaan dan masyarakat. Peranan mereka dalam bidang kerja istana, pertanian dan sokongan logistik menjadikan mereka penyumbang tidak langsung kepada kestabilan Kesultanan pada zaman tersebut. Maka, walaupun kedudukan golongan hamba berada pada lapisan paling bawah dalam hierarki sosial masyarakat Melayu, namun sumbangan mereka terhadap kelangsungan sistem pemerintahan pada zaman tersebut tidak diberikan perhatian.

Masyarakat Orang Asing

Masyarakat orang asing di Melaka terbentuk hasil daripada gabungan kegiatan perdagangan, penghijrahan dan perkahwinan yang berlaku secara intensif dalam konteks Melaka sebagai pelabuhan entrepot. Sebagai pusat perdagangan yang pesat, Melaka menarik kehadiran pedagang dari pelbagai wilayah termasuklah India, Arab, China dan seluruh Nusantara. Keadaan ini melahirkan golongan usahawan dan saudagar dari latar belakang peribumi serta pendatang yang menetap di kota pelabuhan tersebut (Wan Ahmad Fauzi et al., 2018:64). Menurut kajian tersebut, peranan orang laut di kawasan pesisir turut menyumbang pada kejayaan pengurusan pelabuhan yang diketuai oleh Shahbandar, sekali gus menunjukkan wujudnya hubungan simbiotik antara lapisan sosial yang berbeza dalam struktur pemerintahan Melaka.

Perkara ini turut ditegaskan oleh Haji Awang Asbol, (2011:28) yang menyatakan bahawa pembangunan sektor perdagangan di Melaka melibatkan "semua peringkat masyarakat dengan tidak hanya berpusat di tangan sultan dan pembesar negara." Hal ini membuktikan bahawa interaksi antara golongan pemerintah dan diperintah, termasuk kelompok orang asing adalah penting dalam memastikan kelancaran urusan pentadbiran serta pembangunan ekonomi Kesultanan Melayu Melaka. Maka, sistem sosial yang berfungsi secara kolektif ini telah menjadi tunjang kejayaan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa.

Dalam konteks perdagangan antarabangsa Melaka, masyarakat orang asing memainkan peranan penting sebagai penggerak utama dalam transaksi perniagaan dan jaringan ekonomi serantau. Menurut Mohd Taib (1980:19), aktiviti perdagangan dengan negeri-negeri asing telah melahirkan tokoh usahawan seperti nakhoda, jurumudi, kiwi, maula (ketua) dan kelompok "orang banyak" yang bertindak sebagai orang tengah dalam pelbagai urusan perdagangan. Kebanyakan saudagar di Melaka terdiri daripada orang asing dari wilayah seperti China, Arab dan Gujerat. Selain itu, mereka turut datang dari pelbagai negeri jiran termasuk Pasai, Rokan, Siak, India, Jambi, Aru, Tanah Jawa dan beberapa kepulauan di Timur dan Barat. Kepelbagaian latar belakang ini membuktikan bahawa Melaka berfungsi sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang berjaya menghimpunkan pelbagai bangsa, agama dan budaya dalam satu sistem ekonomi yang tersusun (Mohd Taib, 1980:19).

Golongan ini datang ke Melaka untuk mencuba nasib, namun hanya setengahnya sahaja yang datang untuk mencari pekerjaan sesuai kerana kebanyakan daripadanya yang datang adalah dengan niat untuk terus menetap di Melaka. Kebanyakan daripada golongan ini tertarik untuk tinggal terus di Melaka kerana peluang pekerjaan yang menawarkan pendapatan lumayan (Muhd Yusof Ibrahim, 1990:81). Kebanyakan daripada mereka juga terlibat dalam pelbagai aktiviti, termasuklah dalam kegiatan sosial seperti menjadi tentera upahan kerajaan Melaka, terutamanya orang Jawa dan Pasai.

Selain itu, mereka juga terdiri daripada peniaga kecil-kecilan, pemborong dan peniaga besar yang berjaya menjadi saudagar kaya raya. Antara saudagar asing yang disebut dalam *Sejarah Melayu* ialah Nina Sura Dewana, Kyai Terambulum, Raja Mendeliar, Ali Manu Nayan, Kitul dan Patih Adam. Terdapat orang asing mempunyai pengaruh dan memegang jawatan dalam pentadbiran di Melaka, seperti Raja Mendeliar yang juga memegang jawatan Syahbandar. Manakala, Patih Adam merupakan seorang pengeran dari

Surabaya, Jawa yang mempunyai pengaruh besar, serta hubungan yang begitu rapat dengan istana dan kerabat diraja Melaka.

Sebahagian dari golongan ini turut memainkan peranan penting dalam perkembangan agama Islam dengan menjadi ulama dan guru kepada orang Melaka yang beragama Islam, serta membimbing kalangan senteri dari negeri asing. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang terlibat dalam hal agama Islam, menjadi ulama dan guru kepada orang Melaka yang beragama Islam dan kalangan senteri dari negeri asing. Golongan agama yang berperanan sebagai guru agama pula ialah individu yang kebanyakannya dalam kalangan orang Arab seperti Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar dan Maulana Sadar Jahan. Perincian berkenaan kelompok ini dinyatakan dalam karya Sejarah Melayu. Misalnya, peranan Sayyid Abdul Aziz dinyatakan dalam Sejarah Melayu, iaitu setelah Sultan Muhammad Syah menceritakan tentang mimpi baginda kepada Bendahara (Shellabear, 2016:72):

> Hatta, maka hari pun asarlah; maka datanglah sebuah kapa dari Judah. Serta ia berlabuh, maka turunlah makhdum dari kapal itu, Sayyid Abdul Aziz namanya, lalu ia sembahyang di pantai Melaka itu… Setelah sudah makhdum sembahyang, maka raja pun menderumkan gajahnya. Maka makhdum pun dibawa baginda naik gajah, lalu dibawa masuk ke dalam. Maka Bendahara dan segala orang besar-besar pun semuanya masuk Islamlah dengan sekalian besar kecil, tua muda, dan perempuan laki-laki, semuanya disuruh baginda masuk Islam. Maka baginda pun berguru kepada makhdum akan terbit sembahyang.

Selain itu, cerita tentang Maulana Abu Bakar pula dapat dilihat dalam pengkisahan beliau pergi ke Melaka membawa kitab *Darul-mazlum* daripada gurunya, iaitu Maulana Abu Isyak (Shellabaear, 2016):

> … maka Maulana Abu Bakar pun turunlah ke bawah angin membawa kitab Darul-mazlum itu menumpang kapal dari Judah ke Melaka. Telah beberapa lamanya di laut sampailah ke Melaka. Maka sangat dipermulia oleh Sultan Mansor Syah; dan kitab Darul-mazlum disuruh baginda arak ke balairung. Maka Sultan Mansor Syah pun berguru pada Maulana Abu Bakar, terlalu amat terang hati baginda… Maka berkenan kepada Maulana Abu Bakar, serta dipujinya Tuan Patakan itu. Maka segala orang besar-besar Melaka sekaliannya berguru kepada Maulana Abu Bakar… (hlm. 150–151)

> Arakian turun sebuah kapal dari Judah datang ke Melaka; di dalam kapal itu ada seorang pendeta Maulana Sadar Jahan namanya. Telah sampai kepada Sultan Mahmud Syah, baginda pun berguru pada Maulana Sadar Jahan itu, ia terlalu alim; dan anakanda baginda Raja Ahmad pun disuruh baginda mengaji kepada Maulana Sadar Jahan itu. Dan pada suatu malam Maulana Sadar Jahan dijemput Makhdum diperjamu. (hlm. 245)

Golongan ulama mempunyai hubungan baik dengan golongan raja dan bangsawan, selaras dengan peranannya dalam menyebarkan ilmu dan nilai keagamaan. Bahkan, Syaimak Ismail et al. (2021) menyatakan bahawa kedatangan golongan ulama ini sangat jelas pada era Sultan Mansur Shah dengan memperlihatkan kedudukan Melaka sebagai pusat tumpuan seluruh Nusantara untuk golongan ini bertukar pandangan serta ilmu serta teknik berdakwah di wilayah lain, termasuklah negeri-negeri taklukan Melaka (Syaimak et. al, 2021:72).

Sehubungan dengan itu, terdapat sebahagian daripada kalangan golongan ini yang hanya berkunjung ke Melaka sekali-sekala, manakala, sebahagian lagi memilih untuk terus menetap di Melaka. Golongan ulama sangat dihormati oleh golongan raja. Dalam *Sejarah Melayu*, diceritakan bahawa Sultan Mahmud menunggang gajah ketika hendak berguru untuk mendapatkan ilmu, tetapi Maulana Yusof menolak kehadiran baginda. Tetapi, apabila Sultan Mahmud datang pada waktu malam dalam keadaan sederhana, seperti seorang "fakir" tanpa gegabah dan lagak sebagai seorang sultan, barulah Maulana Yusof menerima baginda. Maulana Yusof menyatakan bahawa, "fakir patutlah datang kerumah samanya fakir" (Muhd Yusof Ibrahim, 1990:81).

Masyarakat orang asing di Melaka yang digambarkan dalam *Sejarah Melayu* sangat banyak sehingga wujud suasana perkampungan orang dagang yang terbentang dari Air Leleh hingga ke Kuala Linggi. Pada waktu malam, suasana di kawasan tersebut sangat meriah dan diterangi oleh cahaya lampu. Malah, orang yang lalu-lalang di sepanjang kampung tersebut tidak perlu membawa api untuk menerangi jalanan kerana cahaya lampu yang tersedia sudah mencukupi (Shellabear, 1987:183):

> Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala dagang pun berkampung; maka dari air leleh datang ke Muar pasar tiada berputusan lagi, dari kampong Keling datang ke Kuala Penajoh (linggi) pun tiada berputusan, jika orang dari Melaka datang ke Jugra tiada membawa api lagi, barang di mana berhenti di sana adalah rumah orang; daripada sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga, kerana masa itu rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang di dalam negeri juga.

Terdapat juga masyarakat asing yang diceritakan berkahwin dengan raja Melaka. Hasil penulisan kreatif dan deskriptif dalam *Sejarah Melayu* yang bertujuan untuk menonjolkan kebesaran raja-raja Melaka, mendakwa Sultan Mansor Syah telah berkahwin dengan Hang Li Po yang dikatakan seorang puteri Maharaja Cina. Ikatan silaturrahim ini jelas menunjukkan bermulanya penempatan Cina-Muslim di Melaka (Shellabear, 1987:96).

Ringkasnya, golongan masyarakat asing turut menyumbang melalui fungsinya dalam struktur sosial golongan yang diperintah dalam institusi kerajaan. Golongan ini bukan sahaja memberikan pengaruh dalam susun lapis masyarakat tersebut sahaja, malah turut melangkaui hingga dalam hierarki golongan pemerintah. Maka, jelaslah bahawa kewujudan kelompok masyarakat asing dalam susun lapis masyarakat Melayu dalam zaman Kesultanan Melaka ini secara langsung memberikan pengaruh terhadap kelangsungan institusi pemerintahan tersebut.

Mobiliti Sosial

Mobiliti sosial merupakan suatu proses perubahan individu atau kelompok daripada satu lapisan sosial kepada lapisan sosial yang lain, atau perubahan kedudukan dalam lapisan yang sama. Mobiliti sosial boleh berlaku dalam dua bentuk, iaitu menegak dan mendatar. Harun Daud (1989:62) menjelaskan bahawa mobiliti menegak (sama ada ke atas atau ke bawah), melibatkan perubahan status seseorang daripada suatu golongan ke golongan masyarakat yang lain manakala mobiliti mendatar menerangkan bagaimana anggota masyarakat menukar tugas dan pekerjaannya tanpa menjejaskan taraf atau status sosial dalam kelompok masyarakatnya. Dalam bentuk mobiliti ini, walaupun fungsi sosial berubah, tetapi kedudukannya dalam susun lapis masyarakat kekal tidak berubah (Muhd Yusoff Hashim, 1992b:161). Kedudukan anggota masyarakat biasa tidak semestinya berada dalam keadaan yang kekal statik. Sebahagian daripadanya mengalami perubahan taraf kedudukan yang sering diistilahkan sebagai mobiliti sosial.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, mobiliti sosial berlaku terhadap seseorang individu melalui beberapa cara. Antaranya ialah melalui perkahwinan, menjadi tawanan perang, pengumpulan kekayaan atau untuk berbakti. Antara faktor tersebut, aspek ingin berbakti merupakan elemen utama yang mendorong berlakunya mobiliti sosial dalam susun lapis masyarakat Melayu. Hal ini berkait rapat dengan sikap masyarakat yang sentiasa mencari sentiasa mencari peluang untuk menunjukkan kesetiaan dan berbakti, khususnya kepada raja. Sikap ini terserlah dalam peristiwa apabila Bendahara Paduka Raja mengarahkan Tun

Pikrama berserta hulubalangnya untuk memburu Maharaja Dewa Sura yang telah melarikan diri (Shellabear, 1987:75):

> Maka sekelian hulubalang itu pun pergi berdahulu-dahuluan, hendak beroleh jasa pada Bendahara Paduka Raja. Adapun akan Seri Bija Diraja pergi mengikut Maharaja Dewa Sura itu seraya berburu... dan di mana pasir yang baik di sana ia singgah bermain. Maka kata anak buahnya, "Bagaimana tunku, ini bukan pekerjaan kita disuruh Datuk Bendahara bermain; disuruhkan mengikut Maharaja Dewa Sura. Orang lain sungguh-sungguh ia mengikut; kita raga-raga dengan bermain. Jika orang kelak bertemu dengan dia, oranglah yang beroleh jasa; kita satu pun tiada peroleh.

Sejarah Melayu jelas memperlihatkan proses mobiliti sosial dalam masyarakat Melayu. Contohnya mobiliti mendatar dapat dilihat berlaku pada tiga orang tokoh penting daripada golongan bangsawan, iaitu Tun Perak, Hang Tuah dan Tun Mutahir. Kedudukan Tun Perak berubah daripada seorang penghulu daerah kepada seorang Bendahara (Shellabear, 1987:67–71). Hang Tuah pula yang bermula sebagai seorang rakyat biasa diangkat menjadi Laksamana. Jawatan ini diwarisi oleh anak cucu dan menantunya. Walaupun Hang Tuah sendiri hanya bergelar "Hang", tetapi anak-anaknya diberikan gelaran "Tun" seperti Tun Biajid, Tun Sirah dan Tun Sabariah (Shellabear, 1987:101). Sementara itu, Tun Mutahir pula bermula sebagai seorang pedagang sebelum dilantik menjadi Temenggung dan akhirnya memegang jawatan Bendahara.

Hubungan antara setiap lapisan sosial dalam masyarakat Melayu tidak dianggap sebagai sesuatu yang dipaksa tetapi diterima sebagai sebahagian daripada nilai dalam masyarakat. Walaupun terdapat jurang yang memisahkan setiap lapisan sosial, jurang ini boleh dirapatkan melalui ikatan perkahwinan. Mobiliti menegak, satu daripada bentuk mobiliti sosial, kadang kala berlaku melalui perkahwinan. Walaupun proses ini jarang berlaku, tetapi terdapat beberapa orang wanita bangsawan, khususnya anak Bendahara yang mencapai status diraja setelah diperisterikan oleh sultan. Antaranya termasuklah Tun Teja (Ahmad Dahlan, 2017:134) dan Tun Fatimah yang dikahwini oleh sultan dan dijadikan raja perempuan (Ahmad Adam, 2016: 291–301 & 329–339). Petikan berikut dapat menjadi hujah bahawa mobiliti sosial sememangnya wujud. Hal ini secara langsung dapat dikenal pasti melalui petikan di bawah berkenaan dengan Tun Teja yang mengikut Hang Nadim ke Melaka untuk bertemu dengan Sultan Mahmud Syah (Shellabear, 2016:218, 221, 227):

> Adapun pada masa itu Bendahara Pahang Seri Amar Bangsa Diraja gelarnnya, akan dia itu ada beranak seorang perempuan, Tun Teja Ratna Benggala namanya terlalu baik parasnya, di dalam tanah Pahang seorang pun tiada samanya pada zaman itu, dan lakunya sedap manis tiada berbagai… Telah Sultan mendengar khabar Seri Dewa Raja itu maka baginda pun ingin rasanya akan anak Bendahara Pahang itu. Maka titah baginda, "Barang siapa membawa Tun Teja itu ke mari, apa yang dikehendakinya kita anugerahi akan dia… Maka Tun Teja dikahwini oleh Sultan Mahmud, terlalu kasih baginda akan dia..

Manakala perkahwinan Tun Fatimah pula setelah kematian Bendahara Seri Maharaja dinyatakan dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 2016: 250, 259 & 265):

> …maka tersebutlah perkataan peri baik paras anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Fatimah, terlalu sekali eloknya, tiada tercela lagi, sedap manis pantas bagus, seperti laut madu, bercahaya-cahaya, berkilat, seperti bulan purnama ketikaa cuaca… Setelah Bendahara Seri Maharaja sudah mati, maka anak Bendahara yang bernama Tun Fatimah itu, isteri Tun Ali, diambil baginda akan isteri, terlalu sangat dikasihi baginda…Telah Tun Fatimah jadi raja perempuan di dalam negeri Melaka maka ia pun sangat percintaannya akan ayahnya Bendahara Seri Maharaja.

Petikan tersebut jelas menunjukkan berlakunya mobiliti sosial yang menegak, khususnya bagi kedua individu tersebut yang merupakan anak Bendahara telah menjadi isteri kepada Sultan Mahmud Syah. Selain itu, terdapat juga anak-anak orang asing daripada kaum Cina, Keling dan Parsi yang dikahwini atau dijadikan gundik oleh Raja Melaka. Namun begitu, tiada bukti yang menunjukkan bahawa kaum tersebut menduduki kelas diraja.

Mobiliti menegak juga boleh berlaku dalam kalangan hamba. Setiap hamba yang dimerdekakan atau membebaskan dirinya sendiri (terutamanya hamba berhutang yang menjelaskan hutangnya) telah meningkatkan status sosialnya. Hamba yang memiliki kekuatan luar biasa atau banyak berjasa kepada tuannya juga berpeluang dibebaskan, sebagaimana yang dialami oleh Badang (Shellabear, 1875:35; Ahmat Adam, 2016:66). Daripada orang biasa, statusnya meningkat menjadi orang suruhan raja. Sumbangan beliau, seperti mengambil ulam kuras untuk raja dan melancarkan perahu besar ke air menyebabkan beliau diberi jawatan hulubalang (Shellabear, 1875:35; Ahmat Adam, 2016:67).

Rakyat asing juga berpeluang menikmati mobiliti sosial seperti orang tempatan. Contohnya, Raja Mendeliar dinaikkan tarafnya daripada orang biasa kepada golongan bangsawan apabila dilantik menjadi Syahbandar

kerana kekayaannya. Begitu juga Maulana Yusof dan anaknya, Muanawar yang diberi jawatan sebagai kadi, iaitu jawatan kedua tertinggi selepas Bendahara dan mereka duduk berdekatan dengan sultan ketika baginda hampir mangkat (Shellabear, 1987:115). Selain itu, orang asing yang berbakti kepada raja juga diberikan mobiliti sosial, seperti Khoja Baba dan Saiyid Ahmad yang sebelum ini daripada golongan biasa tetapi kemudiannya berubah menjadi golongan bangsawan kerana jasanya kepada raja.

Maka, jelaslah bahawa proses mobiliti sosial sememangnya wujud dalam hierarki sosial masyarakat Melayu Melaka. Hal ini berlaku bukan hanya dalam bentuk yang tunggal, sebaliknya berlaku dalam dua bentuk, iaitu mobiliti sosial menegak atau mendatar. Kedua-dua jenis mobiliti sosial ini tentunya memberikan pengaruh dalam kelangsungan institusi pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah negeri yang mempunyai sistem sosial yang teratur.

KESIMPULAN

Masyarakat tradisional di Melaka sebagaimana digambarkan dalam *Sejarah Melayu* menjadi lebih kompleks bukan sahaja kerana adanya susun lapis masyarakat, tetapi juga kerana anggota masyarakat itu sendiri yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan etnik, seperti Melayu, Arab, Tamil dan China. Menariknya etnik tersebut patuh kepada peraturan dan sistem politik tempatan, serta menerima bahasa Melayu sebagai alat komunikasi yang utama. Kemampuan masyarakat yang pelbagai dalam menuruti ketetapan golongan pemerintah telah memberikan pengaruh yang besar dalam interaksi antara dua hierarki sosial yang berbeza, iaitu pemerintah dengan yang diperintah.

Melihat kepada status hierarki sosial, raja dan kaum kerabatnya menduduki status yang teratas, diikuti oleh kelas pentadbir yang terdiri daripada pembesar, kemudian disusuli oleh rakyat yang merdeka dan juga golongan hamba. Dalam kalangan pembesar dan rakyat yang merdeka, terdapat kelas tertentu, seperti golongan intelek dan alim ulama yang pakar dalam hal ehwal agama Islam. Walaupun bilangannya tidak ramai, tetapi golongan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam kalangan rakyat yang merdeka, pedagang dan saudagar yang kaya raya. Melalui usaha perdagangan dan perniagaan maritim secara besar-besaran, lahirlah golongan nakhoda yang menjadi kelompok masyarakat yang agak eksklusif di Melaka. Secara tidak langsung, *Sejarah Melayu* telah menunjukkan keadaan sosial masyarakat Melayu Melaka itu sendiri dengan lebih terperinci.

Secara keseluruhannya, penulisan ini telah memperlihatkan peranan, fungsi dan beberapa aturan yang terdapat dalam hierarki sosial yang kurang mendapat

perhatian dalam penulisan yang memberikan fokus kepada kesultanan Melayu Melaka. Bahkan, proses mobiliti sosial yang berlaku turut diperlihatkan bagi menunjukkan wujudnya perkembangan dalam susun lapis masyarakat Melayu tradisional dalam bentuk sebuah masyarakat yang terus berkembang dari segi fungsinya meskipun mempunyai corak yang mendatar apatah lagi yang menegak. Ringkasnya, interaksi antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah amatlah penting dalam menjadikan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan perdagangan yang bertaraf tinggi. Malah, kewujudan masyarakat asing yang mampu menuruti sistem nilai masyarakat tempatan, seperti konsep daulat derhaka bagi menjamin kesetiaan kepada pemerintah turut menjadi indikator yang jelas terhadap kewujudan peranannya dalam pergerakan kerajaan tersebut.

PENGHARGAAN

Pengarang ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberikan peluang dan kepercayaan serta sokongan sepanjang penulisan dan penyediaan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Siti Zahrah Mahfood: Konsep dan reka bentuk kajian, penyediaan makalah akhir, pengumpulan data, analisis data, penginterprestasian data semakan, pengesahan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir dan pembetulan manuskrip akhir; Nurul Asyikin Hassan: Penyediaan input, penyuntingan, penambahbaikan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

Ahmad Dahlan. (2017). *Sejarah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmat Adam. (2016). *Sulalat us-Salatin: Yakni pertuturan segala raja-raja*. Yayasan Karyawan.

Andaya, B.W., & Andaya, L.Y. (2001). *A history of Malaysia* (2nd ed.). University of Hawai Press.

Arba'iyah Mohd Noor. (2006). *Ilmu sejarah dan pensejarahan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azmi Arifin. (2012). Syed Hussein Alatas: Pemikiran kolonial dan gagasan "Feudalisme Melayu". *Akademika, 82*(1), 21–30.

Brown, C. C. (1952). The Malay annals. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 25*(2), 5–76. https://www.jstor.org/stable/41502950

Badriyah Haji Salleh. (2021). Sejarah Melaka dalam sejarah Malaysia. Dalam Azmi Arifin, Abdul Rahman Haji Ismail & Abu Talib Ahmad (Ed.), *Kesultanan Melayu Melaka: Warisan, tradisi dan pensejarahan*, (1–17). Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Cheah Boon Kheng, & Borschberg, P. (2013, Oktober). Raja Bongsu, penulis dan penaung sejarah Melayu/ Sulalat us-salatin: Peranan dan nasib malangnya seorang putera Johor 1571–1623. [Seminar]. *Seminar 400 Tahun Sulalat us-Salatin*, Kuala Lumpur, Malaysia.

Dini Nur Apriliyanti. (2023). Melestarikan ajaran adat leluhur yang terkandung dalam naskah Hukum Kanun Melaka (Schoemann V33) Koleksi Zu Berlin. *Jurnal Ilmiah Sarasvati, 5*(2), 184–194.

Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t.). *Rakyat*. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rakyat

Fürsich, E. (2009). In defense of textual analysis. *Journalism studies, 10*(2), 238–252. https://doi.org/10.1080/14616700802374050

Haji Awg Asbol Haji Mail. (2011). Kesultanan Melayu tradisional: Satu analisis ke atas peranan sultan dalam kegiatan ekonomi. *Jurnal Darussalam, 11*, 6–32.

Harun Daud. (1989). *Sejarah Melayu: Satu kajian daripada aspek pensejarahan budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Liaw Yock Fang. (1982). *Sejarah kesusasteraan Melayu klasik*. Pustaka Nasional.

Liaw Yock Fang. (2003). *Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut*. Yayasan Karyawan.

Mahani Musa. (1998). Kaum wanita di zaman kesultanan Melayu Melaka: Antara batasan tradisi dan realiti. *Jurnal Sejarah, 6*(6), 1–34. https://doi.org/10.22452/sejarah.vol6no6.1

Milner, A. (2002). *The Malays*. Wiley-Blackwell.

Mohd Yusof Ibrahim. (1990). *Melaka 1400–1511: Beberapa aspek sejarah kemasyarakatannya*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Taib Osman. (1980). *Sejarah di Selat Melaka*. Persatuan Sejarah Melaka.
Muhammad Yusoff Hashim. (1992a). *Kesultanan Melayu Melaka*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
Muhammad Yusoff Hashim. (1992b). *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang tradisi sejarah Melayu nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
Nawi Abdullah, & Wan Ariffin Haji Wan Ahmad. (2007). Perkembangan kelas menengah Melayu di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu, 18*, 86– 108.
Nasha Rodziadi Khaw, & Nazarudin Zainun. (2021). Masyarakat Melayu awal Melaka berdasarkan sumber Portugis. Dalam Azmi Arifin, Abdul Rahman Haji Ismail, & Abu Talib Ahmad (Ed.), *Kesultanan Melayu Melaka: Warisan, Tradisi dan Pensejarahan*, (52–63). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
Norazimah Zakaria. (2005). Sejarah Melayu: Sebuah genre sintesis yang baik bagi memenuhi tuntutan moral Islam dan aspek pengawalan politik. *Jurnal Pengajian Melayu, 16*, 319–334.
Salihahs Razak, & Arba'ie Sujud. (2016). Penerapan undang-undang adat terhadap kesalahan sahsiah pada zaman kesultanan Melayu. *EDUCATUM*, 2, 16–30. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/EJOSS/article/view/89
Salmah Jan Noor Muhammad. (2020). Pencapaian hubungan diplomatik kerajaan Melayu berdasarkan kajian manuskrip Melayu. *IJISTRA, 1*(1), 30–44. https://doi.org/10.47548/ijistra.2020.24
Shamsul A.B. (1996). Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. *Southeast Asian Studies, 34*(3).
Shellabear, W.G. (1987). *Sejarah Melayu*. Fajar Bakti.
Shellabear, W. G. (2016). *Sejarah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
Sheppard, M. (1965). *A short history of Negri Sembilan (Malayan historical series)*. Eastern Universities Press.
Syaimak Ismail, Muhammad Saiful Islam Ismail, Muhammad Anas Ibrahim, & Mohd Khairi Ismail. (2021). Kegemilangan Islam Melaka di bawah dua generasi pemerintah (1445–1477). *Jurnal Melayu, 1*(2), 65–78.
Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, & Mohamed Anwar Omar Din. (2018). Konsep kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat (JUUM) 22*, 61–73. https://doi.org/10.17576/juum-2018-22-07
Wan Hamdi Wan Sulaiman, Wan Kamal Mijaini, & Mohd Irman Mohd Abd Nasir. (2011). Peranan institusi pendidikan dalam melahirkan kelas menengah melayu di Malaysia sebelum dan selepas merdeka [Prosiding]. *Prosiding Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam SISTI 2011*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Winstedt, R.O. (1969). *A history of classical Malay literature*. Oxford Univeristy Press.
Yusoff Iskandar. (1986). Sejarah Melayu sebagai teks sastera yang bercorak sejarah. Dalam Zahrah Ibrahim (Peny.), *Sastera sejarah: Interpretasi dan penilaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Abdul Wahab. (1974, 18 Mei). Sejarah Melayu. *Dewan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulfiya, T. (2024). The overview of the methods of textual analysis. *Innovative technologica: Methodical Research Journal, 3*(4), 1–5. https://doi.org/10.47134/innovative.v3i4.130